

08 FEBRUARI 2018

Sofi Jikan direman tiga hari

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 8 FEBRUARI 2018

Sofi Jikan direman tiga hari

PETALING JAYA 7 Feb. - "Alhamdulillah syukur, pengalaman yang sangat menarik," jawapan ringkas pelakon filem *KL Gangster*, Sofi Jikan sebaik sahaja perintah reman selama tiga hari dikeluarkan terhadapnya bagi membantu siasatan berhubung kes positif dadah jenis ganja.

Perintah reman mulai hari ini sehingga 9 Februari dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar, Khalirul Azhar Mohd. Ishak mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah terhadap Sofi Jikan atau nama sebenarnya Mohamad Shoffi Jikan di Mahkamah Majistret di sini.

Sofi Jikan direman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15 akta sama yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya dan diwajibkan berada di bawah pengawasan polis selama tiga tahun.

Terdahulu, pelakon berusia 47 tahun itu dibawa oleh anggota polis ke mahkamah berkenaan kira-kira pukul 11.25 pagi dengan

tangan bergari dan berpakaian baju lokap berwarna jingga.

Suspek yang diiringi anggota polis keluar dari bilik reman 30 minit kemudian.

Sofi Jikan yang terkenal dengan watak antagonis itu telah ditahan kira-kira pukul 10 malam tadi semasa hadir ke Balai Polis Mutiara Damansara untuk memberi keterangan berhubung laporan polis yang dibuat oleh pelakon dan pengarah Datuk Farid Kamil pada 31 Januari lalu.

Farid Kamil membuat laporan polis selepas mendakwa dirinya dianiaya oleh tiga rakan artis yang mencemarkan minumannya dengan dadah sehingga dia berkelakuan ganas di balai polis bulan lalu.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Artis dan Selebriti, Datuk Shahru Nizam Yunos turut hadir bagi memberi sokongan terhadap rakan artis tersebut.

"Sofi Jikan adalah warganegara yang baik dan berjiwa besar. Dia mahu menyelesaikan isu yang membabitkan dirinya. Beribu orang direman, namun bukannya semuanya bersalah," katanya.



SOFI JIKAN dibawa untuk mendapatkan perintah tahanan reman bagi siasatan positif dadah jenis ganja di di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, Selangor, semalam. —UTUSAN/SURIYA BONMA